

Malaysia mungkin hasilkan organ tiruan manusia melalui bioteknologi

UM - 7 SEP 2002

Oleh ASUKI ABAS
dan AKMAR HISHAM MOKHLES

CYBERJAYA 6 Sept. — Malaysia sedang mengkaji kemungkinan menghasilkan organ tiruan manusia melalui penyelidikan bioteknologi yang akan dijalankan di kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, selain projek itu, sebuah syarikat tempatan berstatus MSC

juga sedang melaksanakan kajian mengenai sel stem yang boleh digunakan bagi membantu rawatan beberapa penyakit kompleks termasuk AIDS dan Thalassemia.

“Terdapat sebuah syarikat tempatan di MSC ini yang menjalankan kajian mengenai sel stem bagi pengesanan HIV lebih awal dan rawatan penyakit seperti Thalassemia.

“Mereka juga sedang melihat kemungkinan membina organ (manusia) sebagai organ

gantikan, tetapi belum lagi sehingga tahap mengklon manusia,” kata Perdana Menteri.

Penyelidikan itu akan dilaksanakan di tapak E-Village seluas 720 hektar di Dengkil, dekat sini yang sebahagian kawasan itu dipecahkan bagi membolehkan tiga buah makmal bioteknologi dibangunkan.

Dr. Mahathir berkata demikian pada sidang akhbar pada hari kedua Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa MSC (MSC-

■ Lihat muka 4

UM - 7 SEP 2002 Malaysia mungkin hasilkan organ tiruan manusia melalui bioteknologi

IAP) Keenam di Cyberview Lodge di sini hari ini.

Sehingga 30 Ogos lalu, terdapat 745 buah syarikat berstatus MSC dengan 495 syarikat tempatan dan 53 syarikat bertaraf dunia.

Perdana Menteri berkata, MSC membuktikan Malaysia mempunyai rakyat mahir dan berbakat untuk menceburi bidang-bidang sukar seperti bioteknologi, aplikasi baru teknologi maklumat, multi media dan grafik tiga dimensi.

Katanya, dengan perkembangan yang ditunjukkan oleh MSC sejak setahun lalu, lebih banyak idea baru diyakini akan diketeh-

ngahkan oleh syarikat-syarikat tempatan yang beroperasi di situ.

“Saya jangka pada masa hadapan lebih banyak idea akan dikeluarkan untuk meletakkan Malaysia di hadapan dalam ekonomi berasaskan pengetahuan (K-ekonomi),” kata beliau.

Beliau berkata, MSC setakat ini menunjukkan perkembangan yang menggalakkan dengan lebih banyak kemajuan dicatat sejak tahun lalu di bawah naungan MSC-IAP.

“Tahun ini kami (MSC-IAP) memperkenalkan cara baru iaitu menggunakan provokator bagi memulakan perbincangan (dan

ia terbukti amat baik kerana kami lebih memberikan fokus.

“Dalam masa setahun lepas, banyak kemajuan dilihat di MSC dengan jumlah bangunan dan syarikat yang telah berpindah ke Cyberjaya (dan) saya harus menyatakan bahawa sehingga kini, koridor ini telah membangun dengan baik kerana sumbangan ahli IAP,” kata Perdana Menteri.

Dr. Mahathir, anggota IAP banyak menyumbang kepada perkembangan MSC dengan memberikan pandangan dan cadangan membina.

“Kedatangan mereka ke sini menandakan

mereka percaya ia (MSC) bukan satu mimpi kosong tetapi sesuatu yang serius,” katanya.

Mengenai kedudukan Pengerusi MSC-IAP selepas persaraan beliau yang dicadangkan pada Oktober tahun depan, Dr. Mahathir berkata, beliau mungkin melepaskan jawatan itu tetapi masih ingin memberikan sumbangan minda ke arah kemajuan MSC.

“Saya rasa tak perlu (kekal Pengerusi) tetapi jika dibenarkan, saya ingin mendengar perbincangan dan jika boleh juga, memberikan pandangan saya,” katanya.